



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.  
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1964 > September > 10 > Page 4 > Kaum petani ingin meni'mati kemajuan Luar Bandar



## Kaum petani ingin meni'mati kemajuan Luar Bandar

Berita Harian, 10 September 1964, Page 4

Share    



Save Citation

<< Previous Article Next Article >>

**Kaum petani ingin  
meni'mati  
kemajuan  
Luar  
Bandar**

**KESAN LAWATAN M.B. SELANGOR**

**Oleh**

**SHAMSUDDIN**



# HAJI TAHA

  
**S**A-BAIK2 sahaja Enche' Harun bin Idris di-lantek menjadi Menteri Besar Selangor dengan dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan kira2 empat bulan yang bahan lalu, beliau telah membuat beberapa kunjongan sa-chara resmi, tidak resmi, mau pun sa-chara mengejut ka-seluroh daerah di-Persekutuan ini.

Pejabat daerah Kajang merupakan babak permulaan kunjongan beliau sa-chara mengejut, sa-telah menerima perkhabaran yang kurang menyenangkan terhadap ra'ayat di-tempat tersebut.

Dengan itu banyak-lah pengalaman Enche' Harun sa-lama berkunjung katempat2 yang sa-lama ini hanya di-dengar sahaja. Jelas-lah sudah kesulitan pekekan ra'ayat yang serba kekurangan itu dapat disaksikan oleh beliau sendiri hingga beliau telah menitiskan ayer mata dengan tidak semena2, kerana menginsafi akan penderitaan ra'ayat di-sabuah Asrama anak Yatim kampong Sungai Pinang Klang.

## Bantuan

Dengan serta merta Enche' Harun telah memberi bantuan derma sa-banyak tiga ribu ringgit kapada anak2 Yatim itu

untuk memperbaiki lagi akan Asrama-nya di-samping berjanji akan berusaha melanjutkan bantuan Kerajaan kepada anak2 Yatim itu.

Sa-beлом sidang Dewan Negeri di-jalankan Menteri Besar itu telah merangka satu lawatan ka-Projek Ranchangan Kemajuan Tanah Sungai Merab dan Sungai Tekali Kajang, dimana ranchangan ini telah menempatkan sa-ramai 85 orang keluarga bagi perengkat permulaan.

Petani2 di-atas tanah ranchangan ini sering membuat rayuan kesulitan ia-lah mengenai wang bantuan sara hidup, bantuan rachun pembunoh lalang dan bantuan binatang ternakan di-bawah ranchangan pawah Kerajaan sementara tanaman mereka dapat mengeluarkan hasil.

Kira2 dalam penghujung bulan June waktu mana sidang Dewan Negeri Selangor di-adakan Enche' Harun telah membuat peruntukan sendiri sa-banyak \$30.000/- dalam sidang tersebut, yang mana petani2 itu akan di-beri bantuan terus menerus sa-banyak \$30/- tiap2 sa-keluarga

Daerah Sabak Bernam, ada-lah di-antara beberapa daerah lain, yang juga termasuk dalam rangka lawatan beliau sa-lama dua hari kira2 dalam pertengahan bulan Julai lepas

## Ayer masin

Sa-lama dua hari Menteri Besar berada di-kawasan itu, dengan bermandikan ayer masin, ternyata jelas-lah oleh-nya bahawa Sabak Bernam ia-

lah sa-buan daerah yang jauh letak-nya. Walau pun bagitu tidak dapat kita nafikan tentang pengeluaran hasil padi dan kelapa-nya yang berlipat ganda.

Sa-lama ini tiada siapa yang dapat menyangka bahawa bekalan tenaga elektrik dapat di-adakan di Tanjung Karang. Mereka menganggap penduduk2 kawasan ini terdiri dari petani2 yang bersawah padi sahaja, tidaklah mereka ingin berkemajuan sa-bagaimana lain2 kawasan yang sama2 menerima projek2 pembangunan luar

bandar dengan pesat-nya.

Pehak Kerajaan tidak beza membeza untuk mengadakan kemajuan bagi ra'ayat, walau pun mereka bersawah, mereka ingin juga meni'mati segala ke-kemajuan2 itu. Kemajuan ada-lah suatu ni'mat yang mesti di-rasa dalam zaman merdeka ini oleh ra'ayat seluroh-nya.

Kawasan Tanjung Karang ini-lah yang menjadi urat ekonomi negeri Selangor khusus-nya di-mana hampir 150,000 gantang hasil padi di-keluarkannya tiap2 tahun dengan menampong lebih 20.000 ekar tanah sawah.

Enche' Harun ketika beruchap merasmikan pembukaan pertunjokkan Padi dan Tanam2an di-Sabak Bernam baru2 ini telah

menyatakan keyakinan-nya bahawa Negeri Selangor akan menjadi sa-buan negeri yang terbesar dalam Malaysia sa-kiranya petani2 menyambut baik ranchangan Kerajaan menanam padi dua kali sa-tahun.

Kira2 dalam tahun 1945 membawa kapada tahun 1957 sa-jauh hampir 40 batu dari pekan Tanjong Karang ka-pekan Sabak Bernam hanya dapat di-lalui dengan kenderaan basikal sahaja.



## Di-landa

Hari ini perhubungan srama itu sudah larut, kerana jalan2 lumpur sudah di-landa dengan batu2 berminyak tar. Hanya kira2 dua batu sahaja lagi yang sentiasa berdebu ketika hari panas.

Daerah Kechil Sepang yang di-tadbirkan oleh Kuala Langat ada-lah daerah yang terkemudian sekali dalam rangka lawatan Menteri Besar. Tetapi ketika renchana ini di-tulis belom lagi terdengar beliau hendak melawat ka-tempat tersebut, walau bagaimana pun Enche' Harun tidak juga melupakan untuk menemui ra'ayat daerah itu.

Daerah Kuala Langat merupakan ibu kandong kapada daerah kecil Sepang, tidak juga ketinggalan dengan kemajuan pembangunan luar bandarnya seperti lain2 daerah dalam negeri Selangor ini.

Siapa-kah yang tidak kenal kapada daerah ini de-

ngan hasil kopi yang tinggi mutu-nya. Getah kelapa menjadi hasil utama ekonomi bagi penduduk2 daerah ini. Pantai Morib sebuah tempat peranginan yang sangat di-kenal di seluruh Tanah Melayu, dudok-nya dalam daerah Kuala Langat ini juga

Saya rasa penduduk2 di-



sini patut menguchapkan sa-tinggi2 terima kaseh kapada Kerajaan yang telah menjalankan tugas menchurahkan usaha semata2 untuk kesenangan ra'ayat seluroh-nya

Bahagian Kawasan Morib mengandungi lebih 25,000 orang penduduk yang telah memileh Enche' Harun menyandang Jawatan Menteri Besar.

Mungkin beliau akan menjadikan kawasan ini sebagai "ANAK KANDONG" atau "ANAK EMAS" dalam melaksanakan segala ranchangan2 kemajuan luar bandar. "Tetapi lain2 kawasan tidak pula di-anak tirikan" tegas Menteri Besar sadi-kit masa dahulu.

## Lawatan

Pada 17 dan 18 Ogos yang baharu lalu beliau telah membuat lawatan sa-chara rasmi ka-daerah ini. Ini ada-lah merupakan lawatan bagi kali kedua-nya sa-chara resmi sa-lain dari lawatan yang di-buat-nya, sa chara sa paroh resmi dan mengejut.

Projek2 yang di-lawat oleh Menteri Besar itu berharga hampir 16 juta ring-

git. Projek2 itu sudah dan sedang berjalan. Dalam rangka lawatan yang pertama beliau di-bawa menyaksikan projek memperbesarkan "KOLAM AYER" di-Bukit Tampoi yang menelan belanja 5 juta ringgit. Kolam Ayer ini di-buat untuk membezalkan sa-bilangan besar penduduk2 Kuala Langat mengan-dongi hampir 80,000 orang.

Beliau selanjut-nya telah melawat projek mendalam-kan Sungai Langat yang

menelan belanja 10 juta ringgit dan projek membaiki Kunchi Ayer di Kampong Si-jangkang berharga \$100,000.

NLB

## Terbengkalai

Projek Kunchi Ayer yang terbengkalai itu telah direnchanakan oleh Enche' Abdul Aziz bin Ishak, Bekas Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama dalam penghujung tahun 1961 menelan belanja \$100,000. Kunchi Ayer ini telah musnah sama sekali dilanda oleh ayer masin sa-baik2 sahaja siap pembe-naan-nya enam bulan ke-mudian, kira2 dalam per-tengahan tahun 1962.

A k i b a t kemusnahan Kunchi Ayer itu, maka ayer masin telah mengancam lebeh 500 ekar tanah yang menyubor dengan kopi dan kelapa-nya. Sa-lama ini petani2 kampong tersebut hanya bergantong kapada hasil dalam kawa-san itu sahaja.

Penduduk2 Kampong Si-

jangkang hari ini mengaku-i akan mengerjakan tanah2 kepunyaan mereka dalam kawasan anchaman ayer masin itu. Mereka akan mengerjakan dengan sa-benapa segara-nya, sa-baik2 sahaja ranchangan membaiki Kunchi ayer itu akan siap tidak berapa lama lagi.

Tuan Haji Yusoff bin Fakeh, Ketua kampong ini, yang turut sama2 mengikut lawatan Menteri Besar itu, telah memberikan jaminan "Bahawa penduduk2 kampong Sijangkang sentiasa memberikan kerjasama kapada Kerajaan dalam melaksanakan ran-changan Pembangunan laut Rander".

Benteng sa-panjang empat batu yang di-bena kira2 dalam tahun 1960, ada-lah merupakan suatu Benteng mempertahankan musoh ayer masen dari memerangi tanaman2 kopi yang tinggi mutu-nya di-kampong mereka.



Menteri Besar itu meng-ingatkan kapada pendudok2 Bukit Changgang ketika beliau beruchap merasmikan surau di-situ "supaya menggunakan surau yang telah di-bena untuk soal peribadatan kapada Tuhan dan perkara2 yang bersangkutan dengan ugama"

## Kerumitan



"Jika sa-kira-nya ada beberapa kerumitan di-sini gunakan-lah juga surau ini untuk tempat bermeshuarat, dan saterus-nya untuk mendapatkan penyelesaian yang memberikan faedah di-antara mereka".

Beliau juga telah memujjil perpaduan kaum2 China dengan orang2 Melayu di-kampong Bandar ketika beliau beruchap merasmikan surau di-sini.



Beberapa hadiah untuk surau itu telah di-hadiahkan oleh kaum2 China, malahan mereka menge luarkan wang bagi jamuan nasi yang di-hidangkan pada hari perasmian itu.



Enche' Harun memberikan nasehat juga kapada pendudok2 kampong Batu Laut, ketika beruchap merasmikan Balai Raya di-kampong itu, supaya "jangan menimbulkan sabarang kekachauan di-antara kaum sedang negara kita menghadapi ke-

daan yang membahayakan hari ini”.

“Kita hendak-lah berwasapada, bertenang, saling mengerti, perpaduan muhibbah di-antara satu sama lain. Kerajaan sangat2 mengharapkan kapada ra'ayat-nya hari ini” tambah beliau.

NLB

sph


NLB

## Kekachauan

“Sa-kira-nya berlaku barang kekachuan dalam negeri ini, bukan sahaja ia akan menggendalakan Kerajaan menjalankan pertadbiran negeri ini, tetapi juga akan menghalang Kerajaan melaksana k a n ranchangan lima tahun pembangunan luar bandar untuk meninggikan taraf perekonomian penduduk?”. tegas Enche' Harun.

Mengenai pendaratan orang2 Indonesia, Enche' Harun berkata, “Kerjasama serta keyakinan Ra'ayat kapada pemerentah negeri ini amat-lah besar faedahnya, kerana jasa2 mereka ini sangat2 di-hargai”.

Sa-panjang masa lawatan beliau ka-daerah Kuala Langat ini sa-lama dua hari itu, beliau di-iringi oleh Wakil2 Raayat Pegawai Daerah, Pegawai Kemajuan Negeri, Jurutera Jabatan Kerja Raya serta Jawatan Kuasa Pembangunan Luar Bandar dan Penghulu2 juga Ketua2 Kampong.





*INI-LAH gambar Kunchi Ayer di-kampong Sijangkang yang telah musnah di-landa oleh ayer masen dalam pertengahan tahun 1962. Kawasan ini sekarang merupakan sa-buah tasek yang indah sa-luas kira2 10 ekar. Akibat kemusnahan Kunchi Ayer ini lebuh dari 500 ekar tanah di-ancam oleh ayer masin sa-tiap masa. Sekarang Kunchi Ayer ini sedang di-baiki dan di-jangka akan siap tidak lama lagi.*

NLB

Contact Us Feedback  FAQ

[Report Vulnerability](#)  [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#)  
[Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore  
Last Updated 2023-01-31

